



# جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكربى ملاك

## JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh  
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333  
Faks : 06-231 6489  
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan kami : PNM(KPS) 125. Jld2 (36)

Tarikh : 17 Mei 2019

: 12 Ramadhan 1440H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab  
Negeri Melaka  
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk/Tuan/Puan,

### **SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.04 TAHUN 2019 : TATACARA PEMBAYARAN BAYARAN KHAS KEWANGAN SEMPENA AIDILFITRI TAHUN 2019**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi Bayaran Khas Kewangan sempena Aidilfitri (BKK) sebanyak RM1,000 yang akan dibayar pada 23 Mei 2019 sepertimana Surat Arahan Operasi Bil 3. Tahun 2019 bertarikh 16 Mei 2019.

3. BKK ini diberikan kepada semua Penjawat Awam Negeri Melaka di semua gred jawatan, kakitangan bertaraf tetap, *contract of service*, *contract for service*, kakitangan yang dilantik oleh Anggota Pentadbiran, Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan guru sandaran Jabatan Agama Islam Melaka dengan syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 15 Mei 2019.

4. BKK ini **tidak dipanjangkan** kepada:-

4.1 Pegawai yang dikenakan **hukuman tatatertib** dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 15 Mei 2019.

4.2 Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 15 Mei 2019.

4.3 Pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 15 Mei 2019.

5. Sehubungan dengan itu, kaedah pembayaran bagi bayaran BKK Tahun 2019 sebanyak RM1,000.00 akan dilaksanakan oleh Pejabat Bendahari Negeri seperti berikut:-

5.1 **Melalui sistem "payroll"**

Sila rujuk kepada Laporan jabatan masing-masing yang telah dikeluarkan oleh pihak Bendahari Negeri.



5.2 **Melalui baucar berasingan**

- I) PTJ perlu menyediakan baucar berasingan bagi bayaran kepada Pekerja Sambilan Harian dan pegawai yang layak tetapi tiada di dalam senarai Laporan seperti di para 5.1.
- II) Baucar berasingan ini perlu diluluskan oleh pegawai pelulus di sistem SPEKS **selewat-lewatnya pada 22 Mei 2019 sebelum jam 10.00 pagi**. Baucar berasingan yang lewat diluluskan pada tarikh dan masa yang ditetapkan, menyebabkan bayaran BKK akan diterima selepas 23 Mei 2019.
- III) Perihal bayaran pada baucar bayaran perlu dicatat:-  
**BKK 1/2019 – "nama pegawai". Contoh: BKK 1/2019 – Sallehudin bin Aziz**

6. Arahan operasi ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara tersebut sila hubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji** di talian **06-2307 285/298/802**.

**"MELAKA BERWIBAWA"  
"PINTAR, HIJAU, BERSIH"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NORIFAH BINTI NORDIN)**  
Bendahari Negeri,  
**MELAKA.**